

# **Fenomena Cinta, Janjitemu, Perlakuan Seks dan Hubungannya Dengan Masalah Kebimbangan Sosial Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah**

**Azizi Bin Yahaya**

**Asiah Binti Suari**

Universiti Teknologi Malaysia

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kewujudan fenomena janjitemu, cinta, perlakuan seks dan hubungannya dengan masalah kebimbangan sosial pelajar-pelajar sekolah menengah. Seramai 240 orang pelajar daripada lapan buah sekolah di daerah Johor Bahru telah dipilih. Soal selidik berkenaan hubungan cinta, perlakuan seks serta skala kebimbangan sosial untuk remaja telah digunakan. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap fenomena janjitemu, hubungan cinta, perlakuan seks dan masalah kebimbangan sosial adalah di tahap sederhana. Manakala gaya bercinta yang dominan di kalangan pelajar sekolah menengah ialah 'cinta pragmatik'.*

## **PENDAHULUAN**

Janjitemu didefinisikan sebagai suatu bentuk interaksi yang berfokus kepada penglibatan dua pihak ke atas aktiviti yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan menggalakkan interaksi pada masa hadapan, komitmen emosi dan akhirnya, hubungan seks (Sugarman & Hotaling, 1989). Hope dan Heinburg (1990) dalam kajiannya menyimpulkan bahawa janjitemu adalah berbeza dengan interaksi biasa kerana ia memerlukan komitmen daripada pihak-pihak yang berjanjitemu. Ia membantu kepada perkembangan kompetensi interpersonal. Dalam usaha untuk menjalinkan hubungan yang romantik, seseorang akan berusaha untuk mengembangkan kompetensi interpersonalnya.

Merujuk kepada Gransee J.M., (2000), janjitemu juga merupakan suatu bentuk rekreasi, hiburan, memperoleh status sosial, memenuhi kehendak ego dalam diri dan peluang untuk memenuhi kehendak naluri seks. Ia turut meningkatkan taraf seseorang dalam kumpulan rakan sebayanya. Janjitemu adalah langkah

permulaan dalam proses mengenali seseorang yang diminati dan kemudiannya setelah halangan emosi seperti rasa malu, takut dan ragu-ragu diatasi, remaja akhirnya akan berkongsi minat, kegemaran dan perasaan dengan orang yang dikasihi atau sebaliknya. Janjitemu, sebagai suatu bentuk hubungan yang lebih serius menjadi suatu cara yang digunakan untuk memilih pasangan hidup. Hubungan yang komited melalui janjitemu juga membolehkan individu bergantung kepada pasangannya dan merasa selamat (Curtona,1982; Damon,1983; Kelly & Hansen,1987; Hansen, Christopher dan Nangle,1992; Weiss,1974).

Sorenson (1973) dalam Gerow J.R (1993) menyatakan bahawa kajian berskala besar yang dijalankan di Amerika Syarikat mendapati bahawa pada usia 19 tahun, 57% wanita dan 72% lelaki telah mengadakan hubungan seks selepas beberapa lama berjanjitemu dan bercinta. Data ini didapati konsisten dengan dapatan kajian lanjut yang dijalankan dengan sampel yang lebih besar (Coles & Strokes,1985; Hofferth & Hayes,1987; Zelnik & Kantner,1980). Kajian tersebut turut mendapati bahawa pada tahun 1988, jumlah remaja perempuan yang terlibat dengan seks adalah dua kali ganda (51.5%) jika dibandingkan dengan jumlah remaja perempuan yang terlibat dengan seks pada tahun 1970 (28.6%). Remaja perempuan yang berusia 15 tahun menguasai peratus remaja yang terlibat dengan seks.

Peningkatan kadar remaja yang terlibat dengan seks ini turut menyumbang kepada peningkatan kehamilan pada usia remaja yang merupakan gejala sosial yang paling sukar ditangani pada dekad ini. Pada tahun 1985, Kisker (1985) mendapati seramai setengah juta bayi dilahirkan oleh ibu yang masih remaja. Landers (1987) merumuskan bahawa remaja perempuan di Amerika Syarikat yang berusia kurang dari 15 tahun mempunyai kemungkinan untuk melahirkan bayi luar nikah jika dibandingkan dengan data-data dari negara-negara membangun yang lain. Hayes (1987) pula menyentuh pengguguran kandungan oleh remaja yang dijangka melebihi 400,000 janin setiap tahun. Dapatan ini juga konsisten dengan kajian oleh Auletta (1984); Millstein (1989) dan Zelnick dan Kantner (1980).

Bagaimanapun, terdapat juga segolongan remaja yang mengalami masalah kebimbangan sosial dan tidak berupaya untuk mendapatkan pasangan seperti rakan-rakan sebaya mereka. Schlenker dan Leary (1982) mentakrifkan bahawa individu yang sukar mendapatkan pasangan atau tiada teman untuk berjanjitemu sebagai individu yang mengalami masalah kebimbangan sosial. Hope dan Heinberg (1990) mendefinisikan kebimbangan berjanjitemu ini adalah masalah yang wujud akibat daripada kegagalan yang timbul semasa berinteraksi dengan pasangan yang disenangi dan diharapkan akan dapat menjalin hubungan cinta dan lebih akrab.

Beberapa kajian yang dijalankan merumuskan perkara-perkara yang menyebabkan masalah ini berlaku termasuklah jangkaan negatif terhadap

penerimaan individu yang disukainya. Golongan ini cuba untuk mengelakkan diri daripada berhubung mesra dengan individu yang berlainan jantina kerana mereka menjangkakan pelawaan mereka untuk berjanjitemu tidak akan diterima (Bellack dan Morrison, 1982). Schlenker dan Leary (1982) pula merumuskan golongan tersebut bertingkah laku sedemikian kerana keadaan fizikal mereka yang kurang menarik dan kurangnya kemahiran bersosial.

Pihak sekolah tidak mampu untuk bergerak sendiri bagi menyelesaikan kerumitan ini. Faktor media massa yang pelbagai dan budaya barat yang kian menular tambah menyukarkan keadaan ini untuk diperbaiki. Fenomena pelajar bercinta, berjanjitemu, terlibat dalam seks sebelum berkahwin dan masalah kebimbangan sosial yang dialami akan cuba dikaji dan dikupas di dalam kajian ini. Persepsi pelajar sekolah menengah terhadap kelangsungan fenomena ini akan turut dikaji dan diteliti.

## **METODOLOGI**

### **Populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian adalah terdiri di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang dipilih daripada beberapa buah sekolah menengah di daerah Johor. Sebanyak lapan buah sekolah telah dipilih di sekitar daerah Johor Bahru. Jumlah pelajar Tingkatan Empat bagi kesemua sekolah yang dipilih ialah sebanyak 473 orang merangkumi 182 orang pelajar lelaki dan 291 orang pelajar perempuan. Sampel kajian ini terdiri daripada 240 orang pelajar dalam Tingkatan Empat di beberapa buah sekolah di daerah Johor Bahru.

Sampel kajian terdiri daripada 240 orang pelajar yang dipilih dari beberapa buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan kelompok atas kelompok. Seramai 30 orang pelajar dari setiap sekolah yang dipilih telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden kajian. 82 soalan berkaitan hubungan cinta, janjitemu, gaya bercinta, masalah kebimbangan sosial, seks dan program intervensi telah dijawab oleh responden. Data dianalisa berdasarkan program SPSS.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Taburan Tahap Faktor Hubungan Cinta, Janjitemu, kebimbangan Sosial dan Program Intervensi Pelajar Sekolah Menengah**

Dapatan kajian merangkumi analisis hubungan cinta, janjitemu, gaya bercinta, masalah kebimbangan sosial dan program intervensi mengikut kaum, jantina, taraf hidup dan lokasi tempat tinggal responden. Jadual 1 di bawah menunjukkan tahap persepsi pelajar sekolah menengah terhadap faktor hubungan cinta, janjitemu, kebimbangan sosial dan program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah dan pihak-pihak yang berkaitan. Seramai 201 pelajar (83.8%) responden mempunyai tahap persepsi yang sederhana terhadap hubungan cinta. Seramai 182 ( 75.8%) pelajar mempunyai tahap persepsi sederhana terhadap keperluan berjanjitemu sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah. Seramai 186 (77.5%) pelajar mempunyai tahap kebimbangan sosial yang sederhana manakala seramai 117 (48.8%) pelajar bersetuju bahawa program intervensi yang dijalankan berada pada tahap sederhana.

**Jadual 1: Tahap Faktor Hubungan Cinta, Janjitemu, Kebimbangan Sosial dan Program Intervensi Pelajar Sekolah Menengah**

<b>ITEM</b>	<b>BIL.</b>	<b>PERATUS</b>	<b>TAHAP</b>
Hubungan Cinta	201	83.8%	Sederhana
Janjitemu	182	75.8%	Sederhana
Kebimbangan Sosial	186	77.5%	Sederhana
Program Intervensi	117	48.8%	Sederhana

### **Taburan Tahap Gaya Bercinta Pelajar Sekolah Menengah**

Dapatan kajian terhadap gaya bercinta telah menunjukkan tahap gaya bercinta di kalangan pelajar. Kajian ini merujuk kepada gaya bercinta yang diperkenalkan oleh John Alan Lee (1977). Seramai 149 (62.1%) pelajar mempunyai tahap cinta pragmatik yang sederhana dan dengan min 3.58 gaya bercinta ini muncul sebagai gaya bercinta yang paling dominan di kalangan pelajar sekolah menengah. Seramai 174 (72.5%) pelajar mempunyai tahap gaya bercinta cinta milikan yang sederhana dengan min 3.06. Ini adalah gaya bercinta yang kedua dominan daripada kesemua enam gaya bercinta yang dikaji. Cinta altruistik diamalkan oleh 167 (69.6%) pelajar dan merupakan gaya bercinta ketiga yang diamalkan dengan min sebanyak 2.90. Seramai 156 (65.0%) pelajar mempunyai gaya bercinta cinta sahabat yang sederhana dengan min 2.82. Seramai 122 (50.8%) pelajar mempunyai gaya bercinta cinta

romantik yang sederhana dengan min sebanyak 2.56 dan cinta mainan pula diamalkan oleh 122 (50.8%) pelajar. Gaya bercinta ini merupakan gaya bercinta yang terendah dengan min 2.55.

**Jadual 2: Tahap Gaya Bercinta Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah**

GAYA BERCINTA	BIL	PERATUS	TAHAP	MIN	KEDUDUKAN
a. Cinta Pragmatik	149	62.1%	Sederhana	3.58	1
b. Cinta Milikan	174	72.5%	Sederhana	3.06	2
c. Cinta Altruistik	167	69.6%	Sederhana	2.90	3
d. Cinta Sahabat	156	65.0%	Sederhana	2.82	4
e. Cinta Romantik	122	50.8%	Sederhana	2.56	5
f. Cinta Mainan	140	58.3%	Sederhana	2.55	6

### **Analisis Perbezaan Mengikut Kaum**

Pengujian hipotesis telah dijalankan mengikut kaum, jantina, taraf hidup dan lokasi tempat tinggal pelajar. Dapatan kajian perbezaan mengikut kaum mendapati hipotesis tidak terdapat perbezaan antara hubungan cinta dan berjanjitemu mengikut kaum mempunyai darjah signifikan yang kurang daripada nilai alfa yang digunakan ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.002 dan 0.004. Oleh itu hipotesis tersebut ditolak dan di sini dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan antara hubungan cinta dan berjanjitemu mengikut kaum. Manakala hipotesis tidak terdapat perbezaan antara perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut kaum pula diterima kerana darjah signifikan yang terhasil adalah lebih besar daripada nilai alfa ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.130 dan 0.065.

**Jadual 3: Analisis Perbezaan Mengikut Kaum**

Hipotesis (Tidak terdapat perbezaan antara..)	Darjah Signifikan	Diterima/Ditolak
---	-------------------	------------------

Hubungan cinta mengikut kaum	0.002	Ditolak
Berjanjitemu mengikut kaum	0.004	Ditolak
Perlakuan seks mengikut kaum	0.130	Diterima
Kebimbangan sosial mengikut kaum	0.065	Diterima

### **Analisis Perbezaan Mengikut Jantina**

Dapatan kajian perbezaan mengikut jantina mendapati hipotesis tidak terdapat perbezaan antara hubungan cinta, berjanjitemu dan kebimbangan sosial mengikut jantina mempunyai darjah signifikan yang lebih besar daripada nilai alfa yang digunakan ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.530 dan 0.805 dan 0.071. Oleh itu hipotesis-hipotesis tersebut diterima dan dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan antara faktor hubungan cinta, berjanjitemu dan kebimbangan sosial mengikut jantina. Manakala hipotesis tidak terdapat perbezaan antara perlakuan seks mengikut jantina pula ditolak kerana darjah signifikan yang terhasil adalah lebih kecil daripada nilai alfa ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.01.

**Jadual 4: Analisis Perbezaan Mengikut Jantina**

<b>Hipotesis (Tidak terdapat perbezaan antara..)</b>	<b>Darjah Signifikan</b>	<b>Diterima/ Ditolak</b>
Hubungan cinta mengikut jantina	0.530	Diterima
Janjitemu mengikut jantina	0.805	Diterima
Perlakuan seks mengikut jantina	0.001	Ditolak
Kebimbangan sosial mengikut jantina	0.071	Diterima

### **Analisis Perbezaan Mengikut Taraf Hidup**

Dapatan kajian perbezaan mengikut jantina mendapati hipotesis tidak terdapat perbezaan antara hubungan cinta, perlakuan seks dan kebimbangan sosial

mengikut taraf hidup mempunyai darjah signifikan yang lebih besar daripada nilai alfa yang digunakan ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.054, 0.116 dan 0.278. Oleh itu hipotesis-hipotesis tersebut diterima dan dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan antara faktor hubungan cinta, perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut taraf hidup. Manakala hipotesis tidak terdapat perbezaan antara janjitemu mengikut taraf hidup pula ditolak kerana darjah signifikan yang terhasil adalah lebih kecil daripada nilai alfa ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.005.

**Jadual 5: Analisis Perbezaan Mengikut Taraf Hidup**

<b>Hipotesis (Tidak terdapat perbezaan antara..)</b>	<b>Darjah Signifikan</b>	<b>Diterima/ Ditolak</b>
Hubungan cinta mengikut taraf hidup	0.054	Diterima
Janjitemu mengikut taraf hidup	0.005	Ditolak
Perlakuan seks mengikut taraf hidup	0.116	Diterima
Kebimbangan sosial mengikut taraf hidup	0.278	Diterima

#### **Analisis Perbezaan Mengikut Lokasi Tempat Tinggal**

Dapatan kajian perbezaan mengikut lokasi tempat tinggal mendapati hipotesis tidak terdapat perbezaan antara hubungan cinta, berjanjitemu, perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut lokasi tempat tinggal mempunyai darjah signifikan yang lebih besar daripada nilai alfa yang digunakan ( $\alpha = 0.05$ ) dengan nilai 0.722, 0.673, 0.239 dan 0.440. Oleh itu hipotesis-hipotesis tersebut diterima dan dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan antara faktor hubungan cinta, berjanjitemu, perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut lokasi tempat tinggal.

**Jadual 6: Analisis Perbezaan Mengikut Lokasi Tempat Tinggal**

<b>Hipotesis (Tidak terdapat perbezaan antara..)</b>	<b>Darjah Signifikan</b>	<b>Diterima/ Ditolak</b>
--	--------------------------	--------------------------

Hubungan cinta mengikut lokasi tpt tinggal	0.722	Diterima
Janjitemu mengikut lokasi tpt tinggal	0.673	Diterima
Perlakuan seks mengikut lokasi tpt tinggal	0.239	Diterima
Kebimbangan sosial mengikut lokasi tpt tinggal	0.440	Diterima

## **PERBINCANGAN**

### **Perbincangan Latar Belakang Responden**

Dalam kajian ini responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor. Bilangan responden lelaki adalah seramai 76 (31.7 peratus) dan responden perempuan seramai 164 (68.3 peratus). Responden berketurunan Melayu adalah yang paling ramai dan Lain-lain keturunan merupakan responden yang paling kecil bilangannya. Responden yang mempunyai ibu dengan taraf pendidikan sekolah menengah (SPM) merupakan responden yang paling ramai, iaitu seramai 97 orang (40.4 peratus), bapa seramai 108 orang (45 peratus). Majoriti terdapat seramai 165 orang (68.8 peratus) ibu responden yang tidak bekerja, manakala bapa responden paling ramai yang bekerja dengan syarikat swasta seramai 103 orang. Kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM1000 (47.1 peratus). Purata gaji sebulan ibu dan bapa responden adalah RM2141 sebulan. Kajian mendapati kebanyakan responden tinggal di bandar iaitu seramai 152 orang (63.3 peratus). Manakala 88 orang (36.7 peratus) responden tinggal di luar bandar.

### **Perbincangan Hasil Kajian Fenomena Janjitemu, Hubungan Cinta, Perlakuan Seks dan Hubungannya dengan Masalah Kebimbangan Sosial Pelajar-pelajar Sekolah Menengah**



Pada keseluruhannya persepsi pelajar sekolah menengah terhadap hubungan cinta di zaman persekolahan di kalangan pelajar sekolah menengah ini berada pada tahap sederhana berdasarkan nilai min iaitu 3.20. Ini berbeza dengan hasil kajian oleh Bukowski (1993) melaporkan remaja yang berusia antara 11 hingga 13 tahun memilih rakan-rakan sejenis yang jelas (44 peratus) dan 21 peratus kelompok pelajar dalam peringkat umur 14 – 15 tahun menghabiskan lebih banyak masa dengan rakan sejenis. Manakala dapatan kajian Bagwell et.al (2001) adalah bersesuaian dengan hasil dapatan kajian ini yang menyatakan pelajar fokus pada kerja-kerja sekolah, yang menyatakan bahawa seseorang remaja secara umum mempunyai rakan sejenis terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu hubungan cinta. Remaja dilaporkan menghabiskan masa sebanyak 22 jam seminggu bersama rakan-rakan mereka dan menyelesaikan segala tugas dan projek persekolahan mereka secara kelompok.

Faktor hubungan dengan ibu bapa turut menyumbang kepada pemilihan rakan sebaya oleh para remaja. Memetik hasil kajian oleh Alden et.al.(1995) melaporkan bahawa remaja yang tinggal bersama ibu tunggal, bapa tunggal atau dibesarkan oleh nenek dan datuk mereka lebih cepat memulakan hubungan cinta dengan remaja yang berlainan jenis. Sebaliknya, remaja yang menerima perhatian dan kasih sayang daripada ibu dan bapa mereka, lebih cemerlang di bidang akademik, lebih banyak bergaul dengan rakan-rakan sejenis serta lambat melibatkan diri dalam hubungan cinta.

Pada keseluruhannya persepsi pelajar sekolah menengah terhadap keperluan berjanjitemu di dalam dan di luar kawasan sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah ini berada pada tahap sederhana berdasarkan nilai min 2.77. Kajian yang dijalankan oleh Hansen et.al (1992) melaporkan tiada perbezaan yang signifikan ke atas remaja yang berjanjitemu di dalam dan di luar kawasan sekolah. Remaja di barat lebih cenderung untuk berinteraksi dengan golongan yang berlainan jenis dan sering berjanjitemu. Para remaja melaporkan mereka menyenangi proses interaksi dan janjitemu yang dilalui kerana ia memberikan perasaan yang menyeronokkan di samping meningkatkan kemahiran sosial mereka.

Furman, W., & Wehner (1997) turut menyokong dapatan kajian ini dan mendapati perubahan pemilihan rakan-rakan berlaku menjelang pertengahan remaja (14 hingga 15 tahun) apabila remaja mula tertarik dengan rakan-rakan yang berlainan jenis dan memulakan janjitemu. Remaja yang tidak mempunyai rakan untuk berjanjitemu didapati mempunyai konsep sendiri yang rendah dan mempunyai masalah komunikasi.

Pada keseluruhannya masalah kebimbangan sosial di kalangan pelajar yang sukar mendapatkan pasangan di kalangan pelajar sekolah menengah ini adalah sederhana berdasarkan nilai min 3.54. Ini bermakna pelajar di sekolah menengah kurang mengalami masalah kebimbangan sosial mendapatkan pasangan. Pelajar yang dikaji ini juga boleh disimpulkan sebagai tidak

beremosi seperti takut, cemas untuk memilih dan mendapatkan pasangan mereka. Ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian oleh Bagwell et.al (2001) mendapati para remaja di barat lebih cenderung untuk berinteraksi dengan golongan yang berlainan jantina kerana ia memberikan perasaan yang menyeronokkan dan peluang untuk menikmati seks.

Hasil kajian Hansen et.al (1987) pula mendapati menyatakan kumpulan yang sukar untuk mendapatkan ini mempunyai sedikit peluang untuk berlatih dan mempelajari kemahiran-kemahiran sosial yang perlu. Oleh yang demikian golongan ini mengalami kurang perkembangan dalam kemahiran sosial serta kemahiran interpersonal. Brother (1984) percaya bahawa seseorang perlu mencari pasangan yang mempunyai psikologi yang bertentangan; contohnya, seorang yang pemalu harus memilih pasangan yang pandai bersosial. Hasil kajiannya juga bersamaan dengan dapatan kajian yang menunjukkan tahap kebimbangan untuk mendapatkan pasangan mereka adalah berada pada tahap sederhana.

Pada keseluruhannya bagi program-program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah berkaitan perhubungan sosial pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di sekolah menengah secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.54 dan sisihan piawai 1.010. Ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap program-program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah adalah sederhana.

Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Prisbell (1989) yang mendapati adalah penting untuk pihak sekolah mengadakan program-program pencegahan dan intervensi. Beliau melaporkan 33.9 peratus responden bersetuju bahawa mereka terlibat dalam hubungan cinta. Harrison et.al (2000) mendapati remaja yang dibesarkan oleh ibu atau bapa tunggal atau keluarga lanjutan terutamanya nenek dan datuk mereka menyumbang lebih banyak masalah akademik dan masalah sosial di kalangan remaja. Mereka lebih awal terlibat dalam hubungan cinta dan perlakuan seks. Program intervensi oleh pihak sekolah dan masyarakat akan dapat membantu golongan remaja tersebut supaya tidak terlibat dalam permasalahan yang negatif seperti kehamilan dan pengguguran janin.

Penyelidik telah merumuskan beberapa faktor personal, faktor persekitaran dan faktor demografi turut dikaji yang penyelidik mendapati remaja perempuan yang tinggal di kawasan bandar lebih ramai yang terlibat dalam perlakuan seks berbanding lelaki manakala remaja lelaki yang tinggal di kawasan luar bandar mengatasi remaja perempuan untuk kebimbangan sosial.

Hasil daripada dapatan yang diperolehi terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan mengenai tahap perbezaan dan hubungan fenomena cinta dari aspek hubungan cinta, berjanjitemu, perlakuan seks, gaya bercinta dan kebimbangan sosial dikalangan pelajar sekolah menengah.

## RUMUSAN

Perkara-perkara yang dirumuskan adalah merupakan asas kepada objektif kajian pengkaji. Antara rumusan yang dapat dibuat ialah :

- i. Dapatan kajian telah membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang berjanjitemu mengikut kaum, antara perlakuan seks mengikut jantina, antara hubungan cinta mengikut kaum dan antara pelajar yang berjanjitemu mengikut taraf hidup.
- ii. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hubungan cinta di kalangan pelajar sekolah menengah berada pada tahap yang sederhana. Seramai 83.8 peratus pelajar mengakui bahawa mereka sedang mengalami hubungan cinta yang sederhana sama ada dengan rakan sekolah atau orang luar.
- iii. Keperluan berjanjitemu di kalangan pelajar sekolah menengah didapati turut berada di tahap yang sederhana. Terdapat 75.8 peratus pelajar berada pada tahap pemarkatan sederhana dalam aspek berjanjitemu. Hanya sebilangan kecil (5.4 peratus) pelajar mengakui mereka berada di tahap pemarkatan tinggi dalam aspek ini.
- iv. Di samping itu, dapatan kajian mendapati gaya bercinta ‘cinta pragmatik’ merupakan gaya bercinta yang paling dominan dan memberi pengaruh terhadap percintaan di kalangan pelajar sekolah menengah. Pada usia pertengahan dan akhir remaja, pelajar-pelajar didapati lebih bersifat rasional dalam memilih pasangan dan menjalani alam percintaan.
- v. Dapatan kajian ini turut merumuskan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah berada di tahap kebimbangan sosial yang sederhana. Majoriti 77.5 peratus pelajar mengakui mereka mengalami masalah kebimbangan sosial yang sederhana. Manakala sebilangan pelajar (8.3 peratus) mendakwa mereka mengalami masalah kebimbangan sosial yang tinggi.
- vi. Walaubagaimanapun, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut kaum; antara hubungan cinta, janjitemu, perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut jantina; antara hubungan cinta, perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut taraf hidup serta antara hubungan cinta, janjitemu, perlakuan seks dan kebimbangan sosial mengikut tempat tinggal.
- vii. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa program-program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah dan pihak-pihak luar memberi kesan yang sederhana terhadap fenomena janjitemu, cinta, perlakuan seks dan masalah kebimbangan sosial di kalangan pelajar. Seramai 48.8 peratus pelajar

mengakui keberkesanan program-program intervensi yang dijalankan berada di tahap sederhana.

## CADANGAN

Berdasarkan dapatan, perbincangan dan rumusan kajian yang dijalankan, penyelidik ingin memberi beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua dan guru-guru serta ibubapa.

- i. Oleh kerana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap percintaan pelajar dari aspek hubungan cinta, berjanjitemu, perlakuan seks dan masalah kebimbangan sosial adalah berada pada tahap sederhana, Kementerian Pelajaran Malaysia boleh mengambil beberapa langkah pencegahan seperti menganjurkan bengkel, seminar serta kursus-kursus berhubung dengan masalah fenomena cinta pada zaman persekolahan yang dihadapi oleh pelajar. Setiap kursus yang akan dijalankan pihak kementerian perlu membuat pemantauan di sekolah-sekolah khususnya mendapat maklumat daripada pengetua bagi memilih jenis kursus yang hendak dijalankan.
- ii. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelajar menyatakan bahawa bukanlah menjadi suatu kesalahan untuk menemui kekasih mereka di sekolah. Ini adalah bertentangan dengan disiplin sekolah iaitu pelajar harus menunjukkan sikap yang baik dan harus fokus pada pelajaran mereka. Dalam setiap tingkahlaku yang anak-anak lakukan atau pelajar lakukan pihak ibubapa dan guru perlulah prihatin untuk mengelak gejala sosial ini dibawa ke sekolah. Jika terdapat mana-mana kelemahan kekurangan, pihak guru dan ibubapa perlu menangani dengan bijak, sentiasa memberikan tunjuk ajar dan memberi motivasi kepada pelajar-pelajar dan sentiasa menghargai setiap tugas yang dilakukan oleh pelajar. Pihak kementerian perlu lebih peka dalam menangani setiap masalah pelajar, sentiasa memberi sokongan dan kemudahan lain kepada pihak sekolah.
- iii. Dapatan kajian juga mendapati pelajar selalu berpegangan tangan dengan kekasihnya dan menyatakan mereka sanggup berkorban apa sahaja asalkan pasangan mereka bahagia, pendapat sebeginilah yang menyebabkan ramai pelajar terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat seperti menagih, melanggar peraturan sekolah, terlibat dalam seks bebas dan sebagainya. Oleh itu, mata pelajaran Pendidikan Seks perlu diperkenalkan dan dikemaskini dari semasa ke semasa.. Pendidikan seks ini memainkan peranan penting khususnya pendidikan tidak formal melalui aktiviti kemasyarakatan, pembacaan dan pergaulan. Di samping itu, ibubapa perlu mendekati anak setiap masa. Ini memudahkan mereka mengenali

perubahan remaja dari segi pergaulan dan pembelajaran. Ini memudahkan kedua-dua pihak mencari penyelesaian dan mempertingkatkan kelemahan yang ada pada diri.

- iv. Dapatan kajian ini mendapati bahawa sebilangan pelajar sangat naif dan tidak pernah bercinta, ini juga boleh mendatangkan masalah kerana fitrah remaja suka mencuba dan tanpa pengawasan daripada ibu bapa dan orang-orang signifikan di kalangan pelajar, mereka akan tumbuh sebagai golongan dewasa yang suka untuk mencuba dan senang mengikuti tingkahlaku kawan-kawan kerana mereka kurang bersosial dan tidak didedahkan dengan maklumat-maklumat mengenai bahayanya pergaulan secara bebas. Pihak ibubapa perlulah menerapkan nilai jati diri dan nilai agama supaya pelajar tidak mudah terjebak dengan masalah sosial.
- v. Pihak kaunselor dan guru-guru di sekolah juga harus terlibat secara aktif dan bergaul secara sihat dengan para pelajar. Perhubungan yang rapat antara guru dan pelajar akan menyebabkan pelajar merasa malu untuk mempamerkan tingkah laku yang negatif. Susunan pelajar di kelas-kelas yang melibatkan jantina yang berbeza juga haruslah dikaji. Kesesuaian tempat duduk pelajar mengikut jantina akan memberi impak yang besar dalam pergaulan antara pelajar. Pihak sekolah dan guru-guru perlu menganalisa bentuk susunan yang bersesuaian dengan jumlah pelajar dan jantina mereka.

## **RUJUKAN**

- Alden, L.E., Beiling, P.J., & Meleshko, K.G.A.(1995). "An Interpersonal Comparison of Depression and Social Anxiety." In K.D.Craig & K.S.,Dobson (Eds.). *Anxiety depression in adults and children*. Thousand Oaks.CA: Sage
- Auletta, B.L. (1984). "Predicting the Timing of first Sexual Intercourse for at-risk Adolescent Males." *Child Development*. **67**. 344–359.
- Bagwell, C.I. et.al.(2001). "Friendship and Peer Rejection As Predictors of Adult Adjustment." In D.W., Nangle & C.A. Erdley (Eds.). *Friendship and Psychological Adjustment*. San Francisco: Jossey Bass.
- Bellack, A.S. & Morrison, R.L.(1982). "Interpersonal Dysfunction." In M. Hersen & A.E. Hazan (Eds). *International Handbook of Behavioral Modification and Therapy*. New York: Plenum.
- Brother, L.(1984). "Factors Associated with Sexual Behaviour Among Adolescents. A Multivariate Analysis. *Adolescence*. **30**. 253–264.
- Bukowski, W.M., Gauza, C., Hoza, B., & Newcomb, A.F.(1993). "Differences and Consistency Between Same Sex and Other Sex Peer Relationship During Early Adolescence." *Development Psychology*. **29 (2)**. 255–263.
- Coles, M., & Strokes (1985). "The Development of Children (2<sup>nd</sup>. Ed.)." New York: Scientific American Books.
- Curtona, C. (1982). "Transition to College: Loneliness and the Process of Social Adjustment." In I.A. Peplau & D. Perlman (Eds.), *Loneliness: A Coursebook of Current Theory, Research and Therapy*. New York: Wiley.
- Damon, W.(1983). "Social and Personality Development." New York: Norton.
- Christopher, D.S. & Nangle, D.W. (1992). "Adolescent Heterosocial Competence Revisited: Implications of the Expanded Conceptualization for the Prevention of High-Risk Sexual Interactions." *Education and Treatment of Children*. **21 (4)**. 431-446.
- Coles, M., & Strokes (1985). "The Development of Children (2<sup>nd</sup>. Ed.)." New York: Scientific American Books.
- Furman, W., & Wehner (1997). "Adolescents' Working Model and Style for Relationships With Parents, Friends and Romantic Partners." *Child Development*. **73**. 241-255.
- Gerow, J.R. (1993). "Essentials of Psychology Concepts and Applications." New York: Harper Collins College Publishers.

- Gransee J.M. (2000). *Minimal Dating As A Result Of Repeated Futile Dating Attempt*: Alliant University San Diego
- Hansen, D.J., Christopher, J.S. & Nangle D.W.(1992). "Adolescent Heterosocial Interactions and Dating." In V.B. Van hasselt & M. Harsen (Eds.). *Handbook of Social Development: A Lifespan Perspective*. NY: Plenum Press.
- Harrison, K.A., Richman, G.S. & Vittimberga, G.L. (2000). "Parental Stress in Grandparents Versus Parents Raising Children with Behaviour Problems." *Journal of Family Issues*. **21**. 262-270.
- Hayes, C. (1987). "Same and Cross-Sex Friendship: Implications for Interactions and Social Skills." *Early Childhood Research Quarterly*. **3**. 21-37.
- Hofferth, K.A. & Hayes, P.W. (1987). "A Longitudinal Examination of Links Between Mother and Child Attachment and Children's Friendship in Early Childhood." *Journal of Social and Personal Relationship*. **11**. 379-381.
- Hope, D.A., & Heinberg, R.G. (1990). "Dating Anxiety." In Harold Leitenberg (Ed.). *Handbook of Social and Evaluative Anxiety* (pp. 217 -246). New York: Plenum Press.
- Kelly, J.A.,& Hansen, D.J.(1987). "Social Interactions and Adjustment." In V.B. Van Hassen & M. Hersen (Eds.). *Handbook of Adolescent Psychology*. NY: Permagon Press.
- Kisker, L. (1985). "The Impact of an Emotional Self Management Skills Course on Psychosocial Functioning and Autonomy Recovery to Stress in Middle School Children." *Integrative Psychological Functioning and Behavioral Science*. **34**,(4). 246-248.
- Millstein, S.P.(1989). "Investigating the Social World." London: Sage.
- Prisbell, M. (1989). "Dating Competence Among College Students." In J.F. Nussbaum (Ed.). *Life-Span Communication: Normative Processes*. Hillsdole, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Schlenker, B.R., & Leary, M.R. (1982). "Social Anxiety and Self- Representation: A Conceptualization and Model." *Psychological Bulletin*. **21**. 641-669.
- Sugarman, D.S. & Hotaling, G.T. (1989). "Dating Violence: Prevalence, Context, and Risk Markers." In M.A. Pirog-Good & J.E. Stets. (Ed.). *Violence in Dating Relationship: Emerging Social Issues*. NY: Praeger.

Weiss, R.L. (1974). "Strategic Behavioral Mental Therapy: Towards a Model of Assessment and Intervention." In J. P. Vincent (Vol.1, pp. 229 – 271). Greenwich, CT: JAI Press.

Zelnik, M. & Kantner, M.H.(1980). "Sexual Dysfunction." In M.M. Antony & D.H.Barlow (Eds.). *Handbook of Assessment and Treatment Planning for Psychological Disorders*. NY: Guilford.